

# DIALOG PRESTASI PENDIDIKAN ISLAM, ELEKTIF DAN DINI PERINGKAT LABUAN



**Labuan, 30 September 2025** – Dialog Prestasi Pendidikan Islam, Elektif dan Dini telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Botanikal bermula jam 2.30 petang. Dialog ini menghimpunkan pengetua sekolah-sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Labuan serta Ketua Panitia Pendidikan Islam.

Perbincangan memberi tumpuan kepada pencapaian murid dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun dan Peperiksaan Percubaan SPM. Selain itu, ia turut menjadi platform perkongsian intervensi serta amalan terbaik yang telah dilaksanakan di sekolah masing-masing.

Tahniah dan penghargaan diucapkan kepada semua ustaz dan ustazah yang komited dalam mengenal pasti tahap

pencapaian murid serta berusaha mencari solusi terbaik bagi membantu mereka mencapai kejayaan, sekurang-kurangnya lulus dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Sasaran pencapaian subjek ini bagi tahun 2025 ialah 95%.

Dialog ini telah dipengerusikan oleh Pengarah Pendidikan W.P. Labuan, En. Yahya Ahmad Puteh. Turut hadir ialah Timbalan Pengarah Sektor Perancangan, Pn. Noraini Sahbudin, serta Ketua Penolong Pengarah Sektor Pendidikan Islam, Pn. Kamariah Salim.

Urus setia dialog pada kali ini telah dilaksanakan oleh Ustaz Mohd Fadzli bin Sheikh Abdul Rahim, Pegawai Sektor Pendidikan Islam.

Adalah diharapkan agar semua calon SPM tahun ini terus meningkatkan usaha, memanfaatkan bimbingan guru serta tidak berputus asa dalam menyiapkan diri menghadapi peperiksaan sebenar. Semoga pencapaian Pendidikan Islam, Elektif dan Dini di W.P. Labuan tahun ini mencapai sasaran dan menjadi kebanggaan bersama.

[#jpwpl](#)

[#7TerasKPM](#)

[#MalaysiaMADANI](#)

[#PendidikanManusiawi](#)

[#TaatSetia](#)









